

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT CIMB@WORK BAGI PEKERJA

1. Definisi

- (a) **“Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB@Work”** ertinya terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di bawah.
- (b) **“CIMB”** atau **“Bank”** ertinya CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799] dan/atau CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872], mengikut mana yang berkenaan.
- (c) **“Pelanggan CIMB@Work”** ertinya seseorang individu yang telah memenuhi syarat kelayakan CIMB@Work di bawah Klausa 2 di bawah dan yang telah diterima oleh CIMB sebagai Pelanggan CIMB@Work.
- (d) **“Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work”** ertinya ciri, manfaat dan ganjaran di bawah (i) Program Saranan Nilai CIMB@Work dan/atau (ii) Program Ganjaran Ahli CIMB.
- (e) **“Pakej Gaji dan Penyelesaian Perbankan CIMB@Work”** ertinya suatu pakej gaji dan penyelesaian perbankan ditawarkan oleh CIMB kepada syarikat-syarikat untuk membolehkan pengkreditan gaji kakitangan syarikat ke dalam akaun gaji kakitangan melalui BizChannel@CIMB.
- (f) **“Program Saranan Nilai CIMB@Work”** sebaliknya dikenali sebagai **“Program”** ertinya suatu program manfaat direka oleh CIMB kepada Pelanggan CIMB@Work untuk menikmati ciri, manfaat dan ganjaran atas produk dan perkhidmatan ditawarkan oleh CIMB yang boleh ditawarkan kepada Pelanggan CIMB@Work dari semasa ke semasa mengikut Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
- (g) **“Akaun Semasa Perniagaan”** ertinya suatu akaun semasa bagi suatu pemilik tunggal, perkongsian, syarikat persendirian dan awam berhad, kelab/persatuan/pertubuhan dikekalkan dengan mana-mana bank di Malaysia.
- (h) **“Akaun Gaji”** ertinya suatu Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i atau Akaun Pelaburan Harian Tanpa Had-i Pelanggan CIMB@Work yang dikekalkan dengan CIMB.
- (i) **“Kad Debit membolehkan POS”** ertinya Debit MasterCard CIMB yang boleh digunakan untuk melakukan transaksi titik jualan (POS) melalui rangkaian MasterCard.

2. Syarat Kelayakan CIMB@Work

- 2.1 Untuk layak menjadi seorang Pelanggan CIMB@Work, pekerja individu mestilah mempunyai gaji bulanannya dikreditkan ke dalam Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i (**“CASA/CASA-i”**) atau Akaun Pelaburan Harian Tanpa Had-i (**“DURIAN-i”**) yang dikekalkan dengan CIMB.

- 2.2 Individu yang telah memenuhi syarat kelayakan CIMB@Work dan yang telah diterima oleh CIMB sebagai Pelanggan CIMB@Work dalam rekod CIMB hendaklah dianggap muktamad dan konklusif melainkan terdapat kesilapan nyata.

3. Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work

- 3.1 Selepas CIMB menerima pelanggan sebagai seorang Pelanggan CIMB@Work, tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, Pelanggan CIMB@Work boleh menikmati Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work. Pelanggan CIMB@Work dapat melihat senarai penuh dan lengkap Ciri, Manfaat dan Ganjaran CIMB@Work di laman web CIMB di www.cimb.com.my.
- 3.2 CIMB boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa memperkenalkan dan/atau menawarkan ciri, manfaat, ganjaran, produk atau perkhidmatan baharu kepada Pelanggan CIMB@Work. Ciri, manfaat, ganjaran, produk atau perkhidmatan sedia ada dan baharu yang disediakan kepada Pelanggan CIMB@Work hendaklah tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini serta terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal produk atau perkhidmatan berkenaan atau masing-masing.
- 3.3 Semua manfaat produk yang diperuntukkan sebagai sebahagian Program Saranan Nilai CIMB@Work mestilah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat mengawal produk atau perkhidmatan masing-masing.
- 3.4 CIMB merizabkan hak untuk mengenakan terma-terma dan syarat-syarat lanjutan berkenaan dengan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan CIMB@Work.
- 3.5 CIMB merizabkan hak untuk menyemak semula, mengubah, menggantung, membatalkan, menamatkan atau menarik balik Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan kepada Pelanggan CIMB@Work notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang penyemakan semula, pengubahan, penggantungan, pembatalan, penamatan, penarikan balik atau sekatan semua atau mana-mana Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work tidak akan melayakkan Pelanggan CIMB@Work dan/atau sesiapa orang kepada sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan CIMB@Work dan/atau sesiapa orang secara langsung atau tidak langsung akibat daripada tindakan penyemakan semula, pengubahan, penggantungan, pembatalan, penamatan, penarikan balik atau sekatan.

4. Manfaat & Mekanik di bawah Program Saranan Nilai CIMB@Work

- 4.1 Pelanggan CIMB@Work dikehendaki untuk mengemukakan bukti pekerjaan dengan menunjukkan kad pengenalan kakitangan mereka di cawangan CIMB atau Pusat Pembiayaan Auto untuk layak kepada manfaat di bawah Program.
- 4.2 Pelanggan CIMB@Work hendaklah layak kepada manfaat berikut di bawah Program seperti di bawah:

Produk / Perkhidmatan	Kelayakan & Mekanik										
(i) Keperluan Pendapatan Diturunkan untuk Kad Kredit CIMB terpilih <i>(Berkuat kuasa dari 1 Januari 2024 - 31 Disember 2024)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan CIMB@Work akan layak untuk memohon Visa Infinite CIMB, World MasterCard CIMB, World Travel MasterCard CIMB dan/atau PETRONAS Visa Infinite CIMB di bawah CIMB Bank Berhad dengan keperluan pendapatan minimum RM60,000 setahun. • Sebarang kelulusan bagi Visa Infinite CIMB, World MasterCard CIMB, World Travel MasterCard CIMB dan/atau PETRONAS Visa Infinite CIMB hendaklah tertakluk kepada profil kredit Pelanggan CIMB@Work dan/atau budi bicara CIMB, mengikut mana yang berkenaan. 										
(ii) Program Kad Kredit Ekspatriat CIMB@Work <i>(Berkuat kuasa dari 1 Januari 2024 - 31 Disember 2024)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan CIMB@Work yang merupakan ekspatriat akan layak untuk memohon mana-mana Kad Kredit CIMB tanpa menyandarkan apa-apa Simpanan Tetap (FD)/ Akaun Pendapatan Pulangan Tetap-i (FRIA-i) dan/atau dokumen pendapatan. • Program ini adalah terpakai kepada Pelanggan CIMB@Work yang merupakan ekspatriat dengan pendapatan minimum RM15,000 yang dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i CIMB bagi tiga (3) bulan berturut-turut. • Sebarang kelulusan bagi Kad Kredit CIMB hendaklah tertakluk kepada profil kredit Pelanggan CIMB@Work dan/atau budi bicara CIMB, mengikut mana yang berkenaan. 										
(iii) Pembiayaan Bertempoh-i Dijamin oleh Sijil Amanah Saham Bumiputera (TF-i ASB) <i>(Berkuat kuasa dari 1 Januari 2024 - 31 Disember 2024)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan CIMB@Work akan layak kepada kadar pembiayaan kompetitif bagi Pembiayaan Bertempoh-i Dijamin oleh Sijil Amanah Saham Bumiputera (TF-i ASB). • Kelulusan adalah tertakluk kepada budi bicara CIMB. • Kadar keuntungan efektif adalah tertakluk kepada perubahan Kadar Asas Standard ("KAS"). <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #c00000; color: white;"> <th style="text-align: left;">Ciri-Ciri</th> <th style="text-align: left;">Syarat-Syarat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>KAS + 1.45% setahun</td> <td>Jumlah pembiayaan minimum RM30,000 & maksimum RM200,000</td> </tr> <tr> <td>Kelayakan</td> <td>Pemohon mestilah Bumiputera Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas dengan bukti pendapatan</td> </tr> <tr> <td>Tempoh Pembiayaan</td> <td>Minimum 5 tahun Maksimum 40 tahun atau sehingga mencecah umur 70 tahun, yang mana lebih awal</td> </tr> <tr> <td>Margin Pembiayaan</td> <td>Pembiayaan 100% bagi nilai unit amanah ASB + Pembiayaan 5% bagi Group Term Financing Takaful (GTFT); oleh SunLife Malaysia Takaful <i>Nota Penting:</i> <i>GTFT adalah PILIHAN. Ia amat disyorkan untuk pelanggan mengambilnya bagi melindungi kepentingan mereka. Boleh dituntut apabila berlakunya kematian & Kecacatan</i></td> </tr> </tbody> </table>	Ciri-Ciri	Syarat-Syarat	KAS + 1.45% setahun	Jumlah pembiayaan minimum RM30,000 & maksimum RM200,000	Kelayakan	Pemohon mestilah Bumiputera Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas dengan bukti pendapatan	Tempoh Pembiayaan	Minimum 5 tahun Maksimum 40 tahun atau sehingga mencecah umur 70 tahun , yang mana lebih awal	Margin Pembiayaan	Pembiayaan 100% bagi nilai unit amanah ASB + Pembiayaan 5% bagi Group Term Financing Takaful (GTFT); oleh SunLife Malaysia Takaful <i>Nota Penting:</i> <i>GTFT adalah PILIHAN. Ia amat disyorkan untuk pelanggan mengambilnya bagi melindungi kepentingan mereka. Boleh dituntut apabila berlakunya kematian & Kecacatan</i>
Ciri-Ciri	Syarat-Syarat										
KAS + 1.45% setahun	Jumlah pembiayaan minimum RM30,000 & maksimum RM200,000										
Kelayakan	Pemohon mestilah Bumiputera Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas dengan bukti pendapatan										
Tempoh Pembiayaan	Minimum 5 tahun Maksimum 40 tahun atau sehingga mencecah umur 70 tahun , yang mana lebih awal										
Margin Pembiayaan	Pembiayaan 100% bagi nilai unit amanah ASB + Pembiayaan 5% bagi Group Term Financing Takaful (GTFT); oleh SunLife Malaysia Takaful <i>Nota Penting:</i> <i>GTFT adalah PILIHAN. Ia amat disyorkan untuk pelanggan mengambilnya bagi melindungi kepentingan mereka. Boleh dituntut apabila berlakunya kematian & Kecacatan</i>										

		<p><i>Keseluruhan dan Kekal (TPD). Jika sumbangan GTFT melebihi MOF 5%, tempoh takaful akan dikurangkan sewajarnya untuk menyesuaikan dengan sumbangan yang diagihkan kepada SunLife Malaysia Takaful</i></p>
	<p>Yuran & Caj</p>	<p>Yuran Dokumentasi: Yuran Lien sijil RM 50 Duti Setem Nominal: Bayaran fi duti setem RM10 untuk Butiran Kelulusan Pembiayaan. <i>**Yuran dan caj di atas akan dimasukkan ke dalam akaun pembiayaan pelanggan oleh CSA semasa pembiayaan dikeluarkan; di mana pelanggan dikehendaki membayarnya bersama ansuran pertama.</i></p>
	<p>Klausa Keingkaran</p>	<p>Jika kemudahan tertunggak selama 2 bulan, Sijil Unit ASB yang dicagarkan akan dilupuskan serta merta dan hasil jualan balik akan digunakan untuk menyelesaikan Kemudahan. Sebarang kekurangan di dalam akaun haruslah dijelaskan oleh anda dan/atau salah seorang dari anda secara bersama dan/atau berasingan.</p>
<p>(iv) Simpanan Tetap (FD) /Akaun Pendapatan Pulangan Tetap-i (FRIA-i) Keutamaan <i>(Berkuat kuasa dari 1 Januari 2024 - 31 Disember 2024)</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan CIMB@Work akan layak kepada Simpanan Tetap (“FD”) dan Akaun Pendapatan Pulangan Tetap-i (“FRIA-i”) keutamaan sehingga 20 Mata Asas (“BP”) melebihi Kadar Niaga. • Pelanggan CIMB@Work akan menerima sehingga 20 BP melebihi Kadar Niaga tetapi tidak melebihi kadar pemerksaan FD/FRIA-i semasa yang diberikan kepada cawangan CIMB. Dalam keadaan di mana kadar lebih tinggi daripada kadar pemerksaan FD/FRIA-i, maksimum yang Pelanggan CIMB@Work boleh terima adalah kadar pemerksaan FD/FRIA-i. • Tawaran ini tidak ditawarkan bersama dengan sebarang kadar promosi untuk FD/FRIA-i. • Pelanggan CIMB@Work dikehendaki untuk mengambil pulangan matang bagi FD/FRIA-i, yang termasuk tempoh satu (1), dua (2), tiga (3), enam (6) atau dua belas (12) bulan. Kadar FD/FRIA-i akan diguna pakai bagi tempoh maksimum dua belas (12) bulan. • Kadar keutamaan akan diguna pakai bagi SATU (1) kitaran dan akan kembali kepada Kadar Niaga bagi kitaran seterusnya secara automatik. • Kadar keutamaan adalah tertakluk kepada perubahan dengan perubahan dalam Kadar Asas. • Kadar keutamaan ini adalah diguna pakai untuk kedua-dua dana baharu dan dana sedia ada. Dana baharu merujuk kepada dana di luar CIMB dan dana sedia ada merujuk kepada pembaharuan kontrak FD/FRIA-i sedia 	

	<p>ada atau penempatan FD/FRIA-i dengan mana-mana dana sedia ada dalam CIMB.</p> <ul style="list-style-type: none"> • CIMB adalah ahli PIDM. Produk ini adalah dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.
<p>(v) Kemudahan Overdraf Terjamin Peribadi¹ <i>(Berkuat kuasa dari 1 Januari 2024 - 31 Disember 2024)</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan CIMB@Work akan menikmati suatu kadar KAS + 1.85% untuk Kemudahan Overdraf Terjamin Peribadi CIMB Bank terhadap FD/FRIA-i. • Kadar Keutamaan akan tertakluk kepada perubahan dengan perubahan Kadar Asas Standard. • Pelanggan CIMB@Work yang permohonannya bagi Kemudahan Overdraf Terjamin Peribadi terhadap FD/FRIA-i diserahkan atau diluluskan oleh CIMB atau di mana surat tawaran diterima dengan sewajarnya oleh Pelanggan CIMB@Work semasa tempoh tawaran akan layak kepada yang berikutnya, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini: <ul style="list-style-type: none"> ○ Pengecualian fi komitmen sebanyak satu peratus (1%) setahun atas bahagian tidak digunakan bagi mana-mana kemudahan baharu jika had agregat kemudahan overdraf diberikan kepada Pelanggan CIMB@Work di bawah kemudahan ini dan di bawah mana-mana kemudahan overdraf lain yang diberikan oleh CIMB sebelumnya atau pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa pada masa depan adalah melebihi RM250,000. • Pengecualian fi komitmen adalah tertakluk kepada hak CIMB untuk mengembalikan semula fi komitmen tersebut dengan memberikan kepada Pelanggan CIMB@Work notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar.
<p>(vi) Kadar Pembiayaan Rumah Kompetitif² <i>(Berkuat kuasa dari 25 Ogos 2022 - 31 Disember 2024)</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan CIMB@Work akan layak untuk memohon kadar pembiayaan rumah kompetitif dengan langganan kepada Insurans Jangka Pengurangan Gadai Janji dan Takaful Jangka Pengurangan Gadai Janji (“MRTA/MRTT”). • Terpakai untuk produk pembiayaan rumah yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> ○ CIMB’s Home Loan ○ CIMB’s Variable Home Financing-i ○ CIMB’s HomeFlexi Smart ○ CIMB’s HomeFlexi Smart-i ○ CIMB’s HomeFlexi ○ CIMB’s Flexi Home Financing-i • Kadar Pembiayaan Rumah Kompetitif adalah tertakluk kepada gred risiko Pelanggan CIMB@Work.

¹ Hanya sah untuk pelanggan CIMB Bank

² Untuk pembiayaan oleh CIMB Islamic Bank, kadar pembiayaan merujuk kepada Kadar Keuntungan Efektif.

	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan CIMB@Work akan layak kepada suatu julat kadar Pembiayaan Rumah dari Kadar Asas Standard ("KAS") + 1.10% setahun sehingga KAS + 1.50% setahun dengan jumlah pembiayaan minimum RM350,000. • Kadar keutamaan adalah tertakluk kepada perubahan dengan perubahan dalam Kadar Asas Standard. • Perkara di atas tidak terpakai untuk unit Pejabat Kecil/Pejabat Rumah ("SOHO") atau unit pejabat. • Kelulusan untuk produk pembiayaan perumahan hendaklah tertakluk kepada budi bicara CIMB, mengikut mana yang berkenaan.
<p>(vii) Kadar Pertukaran Mata Wang Asing Keutamaan di CIMB Bank Currency Exchange (CCE) <i>(Berkuat kuasa dari 1 Januari 2024 - 31 Disember 2024)</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan CIMB@Work akan menikmati kadar pertukaran keutamaan untuk mata wang di semua kaunter CIMB Bank Currency Exchange ("CCE") di seluruh negara. • Kadar pertukaran keutamaan hanya diguna pakai di kaunter CIMB Bank Currency Exchange dan adalah tidak diguna pakai di Cawangan CIMB atau atas platform digital.
<p>viii) Kadar pertukaran keutamaan atas Pemindahan Telegrafik Asing ("FTT") di mana-mana cawangan CIMB <i>(Berkuat kuasa dari 1 Januari 2024 - 31 Disember 2024)</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan CIMB@Work akan menikmati kadar pertukaran atas Pemindahan Telegrafik Asing ("FTT") untuk mana-mana transaksi dikemukakan di mana-mana cawangan CIMB • Untuk menjadi layak kepada kadar pertukaran keutamaan atas FTT, setiap transaksi yang dikemukakan oleh Pelanggan CIMB@Work mestilah terdapat minimum RM250. • Kadar pertukaran keutamaan atas FTT adalah terpakai kepada mana-mana transaksi dikemukakan di mana-mana cawangan CIMB dan tidak terpakai kepada transaksi dikemukakan di CIMB CCE atau menggunakan mana-mana platform digital.
<p>(ix) Keperluan Minimum Diturunkan bagi CIMB Preferred <i>(Berkuat kuasa dari 1 Januari 2024 - 31 Disember 2024)</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan CIMB@Work akan dapat menikmati keahlian CIMB Preferred dengan mengekalkan AUM minimum Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) untuk tahun pertama (ke-1). • Mulai tahun kedua (ke-2) dan seterusnya, Pelanggan CIMB@Work mesti mengekalkan "Baki AUM Minimum" sebanyak RM250,000.00 Deposit dan/atau Pelaburan dan/atau Bancassurance/Bancatakaful dengan CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic di sepanjang masa. • AUM ditakrifkan sebagai suatu jumlah agregat: <ol style="list-style-type: none"> i. Jumlah yang didepositkan dalam mana-mana akaun deposit dengan CIMB dan/atau ii. Melabur dalam mana-mana produk pelaburan CIMB di bawah Akaun Tunggal Pelanggan CIMB@Work atau akaun bersama di mana Pelanggan CIMB@Work adalah pemegang akaun utama dan/atau

	<p>iii. Membeli/menyertai produk Insurans Hayat terpilih Bank berdasarkan premium tahunan terkumpul tahun pertama dan/atau produk Takaful Keluarga CIMB Islamic berdasarkan sumbangan tahunan terkumpul tahun pertama (“Bancassurance/Bancatakaful”) di mana Pelanggan adalah pemilik polisi/ pemilih sijil/pemegang kontrak.</p> <p>a. Produk Pelaburan dan Bancassurance/Bancatakaful yang dipilih boleh dilihat di laman web Bank di www.cimbpreferred.com.my</p> <p>b. Jumlah Pelaburan + Bancassurance/ Bancatakaful secara kolektif akan dirujuk sebagai Wealth Management (“WM”).</p>												
<p>(x) Baucar e-Wallet Touch ‘n Go bagi pembelian/ penyertaan atas Insurans Hayat / Takaful Keluarga Sun Life Malaysia Assurance Berhad / Sun Life Malaysia Takaful Berhad terpilih (“Produk Penyertaan”) (Berkuat kuasa dari 1 Januari 2024 - 31 Disember 2024)</p>	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan CIMB@Work akan menikmati Baucar e-Wallet Touch ‘n Go berdasarkan jadual di bawah: <table border="1" data-bbox="609 730 1481 1339"> <thead> <tr> <th>Ganjaran</th> <th>Saiz tiket minimum</th> <th>Takaful Keluarga</th> <th>Insurans Hayat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Baucar e-Wallet Touch ‘n Go RM200</td> <td>¹AFYP /²AFYC RM 10,000 Asas</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> Sun Inspirasi Sun Ultimate Coverage-i (Sumbangan Berkala) </td> <td> <ul style="list-style-type: none"> Sun Signature Life Plus Sun Wealth Plus </td> </tr> <tr> <td>Baucar e-Wallet Touch ‘n Go RM20</td> <td>¹AFYP /²AFYC RM 3,600 Asas</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> SunLink Istismar Plus Takaful Suria Plus Takaful Mulia Sun Enrich-i Sun Legacy Shield </td> <td> <ul style="list-style-type: none"> Sun EduSmart Sun SaveAssured SunLink Max Sun Income Secure Max </td> </tr> </tbody> </table> ¹AFYP dirujuk sebagai Premium Tahun Pertama Tahunan. ²AFYC dirujuk sebagai Sumbangan Tahun Pertama Tahunan. CIMB hanyalah bertindak sebagai pengedar Produk Penyertaan yang diunderait oleh Sun Life Malaysia Assurance Berhad [No. Pendaftaran 199001005930 (197499-U)], sebuah syarikat insurans yang didaftarkan dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (“Syarikat Insurans”) atau diuruskan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad [No. Pendaftaran 200501012215 (689263-M)], sebuah pengendali takaful didaftarkan dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (“Pengendali Takaful”). Pelanggan CIMB@Work hanya layak untuk menerima Ganjaran yang dinyatakan dalam jadual di atas jika cadangan/permohonan untuk Produk Penyertaan telah diterima dan polisi/kontrak/sijil dikeluarkan oleh 	Ganjaran	Saiz tiket minimum	Takaful Keluarga	Insurans Hayat	Baucar e-Wallet Touch ‘n Go RM200	¹ AFYP / ² AFYC RM 10,000 Asas	<ul style="list-style-type: none"> Sun Inspirasi Sun Ultimate Coverage-i (Sumbangan Berkala) 	<ul style="list-style-type: none"> Sun Signature Life Plus Sun Wealth Plus 	Baucar e-Wallet Touch ‘n Go RM20	¹ AFYP / ² AFYC RM 3,600 Asas	<ul style="list-style-type: none"> SunLink Istismar Plus Takaful Suria Plus Takaful Mulia Sun Enrich-i Sun Legacy Shield 	<ul style="list-style-type: none"> Sun EduSmart Sun SaveAssured SunLink Max Sun Income Secure Max
Ganjaran	Saiz tiket minimum	Takaful Keluarga	Insurans Hayat										
Baucar e-Wallet Touch ‘n Go RM200	¹ AFYP / ² AFYC RM 10,000 Asas	<ul style="list-style-type: none"> Sun Inspirasi Sun Ultimate Coverage-i (Sumbangan Berkala) 	<ul style="list-style-type: none"> Sun Signature Life Plus Sun Wealth Plus 										
Baucar e-Wallet Touch ‘n Go RM20	¹ AFYP / ² AFYC RM 3,600 Asas	<ul style="list-style-type: none"> SunLink Istismar Plus Takaful Suria Plus Takaful Mulia Sun Enrich-i Sun Legacy Shield 	<ul style="list-style-type: none"> Sun EduSmart Sun SaveAssured SunLink Max Sun Income Secure Max 										

Syarikat Insurans atau Pengendali Takaful di atas pada atau sebelum 15 Januari 2025 dan kekal dikuatkuasakan sepanjang tempoh pemenuhan.

- Sekiranya Pelanggan CIMB@Work menarik balik atau membatalkan Produk Penyertaan semasa cadangan/permohonan, peringkat pemprosesan atau mana-mana peringkat lain pada atau sebelum Tempoh *Free-Look*, atau cadangan/permohonan Produk Penyertaan gagal disebabkan oleh isu pengunderaitan, Pelanggan CIMB@Work tidak akan layak kepada apa-apa Ganjaran.
- “Tempoh *Free-Look*” adalah ditakrifkan sebagai suatu tempoh di mana pemilik polisi/pemegang kontrak/pemilik sijil akan diberikan suatu Tempoh *Free-Look* sebanyak lima belas (15) hari kalendar dari tarikh penghantaran polisi/kontrak/sijil untuk mengaji kesesuaian pelan yang baru dibeli/disertai. Jika polisi/kontrak/sijil diserahkan dalam tempoh, premium/sumbangan sepenuhnya tolak perbelanjaan pemeriksaan kesihatan ditanggung, jika ada, akan dibayar balik kepada pemilik polisi/pemegang kontrak/pemilik sijil.
- Pemenuhan Ganjaran untuk pembelian/penyertaan Produk Penyertaan akan dihantar melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) ke nombor mudah alih Pelanggan Layak dalam jadual pemenuhan yang ditetapkan seperti jadual di bawah:

Tarikh Pengeluaran Polisi / Kontrak/ Sijil	Polisi / Kontrak/ Sijil mesti dikuatkuasakan pada	Jadual Pemenuhan
1 Januari 2024 – 31 Januari 2024	29 Februari 2024	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 29 Februari 2024
1 Februari 2024 – 29 Februari 2024	31 Mac 2024	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 31 Mac 2024
1 Mac 2024 – 31 Mac 2024	30 April 2024	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 30 April 2024
1 April 2024 – 30 April 2024	31 Mei 2024	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 31 Mei 2024
1 Mei 2024 – 31 Mei 2024	30 Jun 2024	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 30 Jun 2024
1 Jun 2024 – 30 Jun 2024	31 July 2024	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 31 July 2024
1 Julai 2024 – 31 Julai 2024	31 Ogos 2024	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 31 Ogos 2024

	1 Ogos 2024 – 31 Ogos 2024	30 September 2024	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 30 September 2024
	1 September 2024 – 30 September 2024	31 Oktober 2024	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 31 Oktober 2024
	1 Oktober 2024 – 31 Oktober 2024	30 November 2024	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 30 November 2024
	1 November 2024 – 30 November 2024	31 Disember 2024	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 31 Disember 2024
	1 December 2024 – 15 Januari 2025	15 Februari 2025	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 15 Februari 2025

- Produk Penyertaan bukan produk CIMB dan oleh itu bukan tanggungjawab dan tidak dijamin oleh CIMB dan/atau mana-mana anak-anak syarikat dan sekutunya. CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawab terhadap sebarang perkara atau tuntutan berbangkit daripada Produk Penyertaan yang diberikan oleh Syarikat Insurans dan/atau Pengendali Takaful dan Syarikat Insurans dan/atau Pengendali Takaful sebagai syarikat insurans berlesen/pengendali takaful dan pengunderait / pengurus Produk Penyertaan akan melaksanakan kewajipan insurans/takaful dengan sepenuhnya.
- Penanggung Insurans/Pengendali Takaful adalah ahli PIDM dan semua pemilik polisi/pemilik sijil/pemegang kontrak layak mendapat perlindungan di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful & Insurans (TIPS) sekiranya Penanggung Insurans/Pengendali Takaful gagal dan tidak dapat mematuhi manfaat insurans/takaful.
- Pelanggan CIMB@Work dikehendaki menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan cadangan/permohonan Produk Sertaan beliau, yang berasingan daripada Terma dan Syarat ini.
- Pelanggan CIMB@Work tertakluk kepada penilaian kesesuaian yang akan dijalankan pada peringkat pra-proses jualan/penyertaan sebelum pengesyoran Produk Yang Sertaan oleh wakil sah CIMB. Pelanggan CIMB@Work hendaklah merujuk kepada Brosur Produk Produk Yang Menyertai, Helaian Pendedahan Produk dan sebarang bahan produk yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang Produk Yang Menyertai. Brosur Produk Produk Yang Menyertai boleh didapati di laman web CIMB atau boleh didapati daripada wakil yang diberi kuasa.
- Pelanggan CIMB@Work hendaklah mengarahkan sebarang pertanyaan,

	<p>maklum balas, kebimbangan, isu atau aduan yang berkaitan dengan penyertaan dalam Produk Yang Sertaan kepada Penanggung Insurans/Pengendali Takaful untuk penyelesaian di:-</p> <p>Sun Life Malaysia Assurance Berhad Nombor Pendaftaran: 199001005930 (197499-U) Sun Life Malaysia Takaful Berhad [Nombor Pendaftaran: 200501012215] (689263-M)] Tingkat 11, 338 Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur</p> <ul style="list-style-type: none">• Sebagai alternatif, Pelanggan CIMB@Work boleh menghubungi Talian Jagaan Pelanggan di 1300-88-5055, melalui pertanyaan dalam talian melalui sunlifemalaysia.com, e-mel terus di wecare@sunlifemalaysia.com, atau faks di (603) 2698 7035• Penanggung Insurans/Pengendali Takaful sebagai pengunderait/pengurus bagi Produk-produk yang Mengambil Bahagian hendaklah menangani sebarang perkara berkaitan Produk-produk yang Mengambil Bahagian.
--	--

- 4.3 Pelanggan CIMB@Work yang diambil kerja oleh syarikat CIMB@Work terpilih adalah layak kepada manfaat tambahan dan/atau ciri-ciri atas produk dan perkhidmatan tertentu di bawah Program yang diberitahu di laman web CIMB. Untuk menentusahkan dan mengesahkan kelayakan anda kepada manfaat dan/atau ciri-ciri tambahan di bawah Program, sila mengunjungi mana-mana cawangan CIMB di seluruh negara, atau menghubungi Pusat Panggilan CIMB di 03-6204 7788.

5. Penamatan dan Penggantungan

- 5.1 CIMB merizabkan hak untuk menamat status seorang individu sebagai Pelanggan CIMB@Work dan/atau menggantung dan/atau menamat sepenuhnya atau sebahagian mana-mana penggunaan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work dalam keadaan mana-mana kejadian berikut:
- (a) Pemberhentian gaji bulanan yang dikreditkan ke dalam Akaun Gaji Pelanggan CIMB@Work untuk empat (4) bulan berturut-turut, melainkan tempoh yang lebih pendek diberikan secara nyata;
 - (b) Peletakan jawatan, penamatan, atau pemberhentian pekerjaan Pelanggan CIMB@Work mengakibatkan pemberhentian pengkreditan gaji bulanan;
 - (c) Penarikbalikan oleh majikan Pelanggan CIMB@Work daripada mengkreditkan gaji melalui BizChannel@CIMB mengakibatkan pemberhentian pengkreditan gaji bulanan;
 - (d) Pelanggan CIMB@Work memungkir mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - (e) Apabila kematian atau ketidaksiuman Pelanggan CIMB@Work atau jika Pelanggan CIMB@Work melakukan tindakan kebangkrapan;
 - (f) Jika terdapat sebarang perubahan dalam undang-undang atau peraturan yang menjadikannya mustahil atau menyalahi undang-undang bagi CIMB untuk terus menyediakan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work;

- (g) Pelanggan CIMB@Work tidak mengendalikan mana-mana akaunnya dengan memuaskannya atau CIMB mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terdapat pelanggaran mana-mana undang-undang, undang-undang kecil atau syarat peraturan, arahan atau perintah semasa yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan/atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa atau bidang kuasa ke atas CIMB;
 - (h) Pelanggan CIMB@Work dan/atau majikan Pelanggan CIMB@Work tertakluk kepada mana-mana sekatan, peraturan, embargo atau tindakan sekatan yang ditadbir, digubal atau dikuat kuasa oleh mana-mana pihak berkuasa ("**Pihak Berkuasa Sekatan**") di:
 - (i) Amerika Syarikat;
 - (ii) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
 - (iii) negeri-negeri Kesatuan Eropah;
 - (iv) United Kingdom;
 - (v) Malaysia; atau
 - (vi) Institusi dan agensi kerajaan masing-masing oleh mana-mana negara, termasuk tetapi tidak terhad kepada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pejabat Kawalan Aset Asing, Jabatan Negara Amerika Syarikat, Her Majesty's Treasury dan Bank Negara Malaysia ("**Sekatan**");
 - (i) CIMB telah menerima notis atau menyedari apa-apa tuntutan, tindakan, saman, prosiding atau penyiasatan terhadap Pelanggan CIMB@Work dan/atau majikan Pelanggan CIMB@Work berkenaan dengan Sekatan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Sekatan;
 - (j) Pelanggan CIMB@Work memaklum CIMB untuk menamat beliau sebagai Pelanggan CIMB@Work; atau
 - (k) Menurut penamatan Pakej Gaji dan Penyelesaian Perbankan CIMB@Work oleh majikan Pelanggan CIMB@Work dan/atau majikan Pelanggan CIMB@Work memungkir mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Pakej Gaji dan Penyelesaian Perbankan CIMB@Work.
- 5.2 Walau apa pun dalam Klausula 5.1, CIMB merizabkan hak untuk menggantung dan/atau menamat kelayakan Pelanggan CIMB@Work dan/atau untuk menggantung dan/atau menamat Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work atas budi bicara CIMB tanpa apa-apa sebab dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar.
- 5.3 Setelah penggantungan dan/atau penamatan menurut kepada Klausula 5.1 dan 5.2, Pelanggan CIMB@Work hendaklah dengan serta-merta berhenti menikmati atau menggunakan semua ciri, manfaat dan ganjaran di bawah Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work.
- 5.4 CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan CIMB@Work atau mana-mana pihak lain, jika CIMB tidak dapat melaksanakan mana-mana kewajibannya berkenaan dengan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work disebabkan secara langsung atau tidak langsung kepada:
- (a) kerosakan atau kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan, apa-

apa bencana alam (“*Act of God*”) atau apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB; dan/atau

- (b) tindakan CIMB menamatkan atau menggantungkan kenikmatan atau penggunaan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work Pelanggan CIMB@Work menurut kepada Klausula 5.1 dan Klausula 5.2.

6. Klausula Privasi

- 6.1 Pelanggan CIMB@Work mengesahkan bahawa beliau telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimb.com.my) dan klausula-klausula di bawah, sebagaimana yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Pelanggan CIMB@Work. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan CIMB@Work bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan digabungkan melalui rujukan ke dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
- 6.2 Jika Pelanggan CIMB@Work menyediakan maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan waris kadim dan tanggungan Pelanggan CIMB@Work (“**Pihak Ketiga**”), untuk tujuan pembukaan atau pengendalian akaun/kemudahan Pelanggan CIMB@Work dengan CIMB atau sebaliknya pelanggan produk dan perkhidmatan CIMB, Pelanggan CIMB@Work dengan ini:
- (a) mengesahkan bahawa beliau telah memperoleh persetujuan daripada Pihak Ketiga atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat peribadi dan kewangan Pihak Ketiga kepada CIMB dan untuk CIMB menggunakannya mengikut Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - (b) menjamin dan bersetuju untuk memastikan maklumat peribadi dan kewangan Pihak Ketiga adalah tepat;
 - (c) bersetuju untuk mengemaskini dengan CIMB secara bertulis sekiranya terdapat apa-apa perubahan ketara kepada maklumat peribadi dan kewangan Pihak Ketiga; dan
 - (d) bersetuju dengan hak CIMB untuk menamatkan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan/atau Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work dengan pemberitahuan terdahulu kepada Pelanggan CIMB@Work sekiranya pemberikuasaan tersebut ditarik balik oleh mana-mana Pihak Ketiga.
- 6.3 Di mana Pelanggan CIMB@Work mengarah CIMB untuk melaksanakan sebarang jenis transaksi merentasi sempadan (termasuk membuat atau menerima pembayaran), butiran berkenaan dengan transaksi merentasi sempadan (termasuk maklumat berkenaan dengan yang terlibat dalam transaksi tersebut) mungkin diterima daripada atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berkaitan dengan tugas sah mereka (contohnya pencegahan jenayah). Dengan mengarah CIMB dan/atau ejen CIMB untuk memasuki mana-mana transaksi merentasi sempadan bagi pihak Pelanggan CIMB@Work, Pelanggan CIMB@Work bersetuju dengan pendedahan tersebut di atas bagi pihak Pelanggan CIMB@Work dan lain-lain yang terlibat dalam transaksi merentasi sempadan tersebut.
- 6.4 CIMB boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa sekarang dan/atau pada masa hadapan menjalankan pemeriksaan rujukan yang diperlukan termasuk tetapi tidak terhad kepada pemeriksaan

pelaporan/rujukan kredit dengan agensi pelaporan/rujukan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada Pusat Sistem Maklumat Rujukan Kredit (CCRIS), FIS dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau dari mana-mana institusi kewangan untuk membolehkan CIMB menentukan status Pelanggan CIMB@Work seperti yang diperlukan untuk membantu membuat keputusan sebagai contoh apabila CIMB perlu:

- (a) memeriksa butir-butir atas permohonan kemudahan kredit dan berkaitan dengan kredit atau lain-lain;
- (b) menguruskan akaun atau kemudahan kredit dan berkaitan dengan kredit, termasuk menjalankan semakan terhadap portfolio Pelanggan CIMB@Work; memulihkan hutang; dan/atau
- (c) sebarang tujuan yang berkaitan kepada atau berhubung dengan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work dan/atau Akaun Gaji di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

Pelanggan CIMB@Work akan dihubungkan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang digunakan atau telah digunakan oleh Pelanggan CIMB@Work dan mana-mana pemohon bersama dan berasingan. CIMB juga boleh berkongsi maklumat mengenai Pelanggan CIMB@Work dan bagaimana Pelanggan CIMB@Work menguruskan Akaun Gaji Pelanggan CIMB@Work dengan agensi pelaporan/rujukan kredit berkenaan, dan bagi mana-mana agensi pelaporan/rujukan kredit ini untuk mendedah maklumat kredit Pelanggan CIMB@Work kepada pelanggannya untuk tujuan pengesanan penipuan dan pencegahan penipuan.

- 6.5 Walaupun selepas Pelanggan CIMB@Work telah memberi sebarang maklumat kepada CIMB, Pelanggan CIMB@Work akan mempunyai pilihan untuk menarik balik pemberikuasaan yang diberikan sebelum ini. Dalam keadaan sedemikian, CIMB akan mempunyai hak untuk tidak menyediakan atau menghentikan penyediaan mana-mana produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang dikait dengan maklumat tersebut dengan notis bertulis terdahulu sekurang-kurangnya tiga (3) hari berniaga kepada Pelanggan CIMB@Work.
- 6.6 Untuk tujuan klausa ini, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat berkaitannya seperti yang ditakrif dalam Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat kawalan bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan kawalan lain, tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "CIMB" hendaklah dibaca sebagai rujukan kepada Kumpulan CIMB.
- 6.7 Klausa ini hendaklah tidak memprejudiskan mana-mana klausa lain dalam terma-terma dan syarat-syarat produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan CIMB berkenaan Pelanggan CIMB@Work yang memberikan pendedahan maklumat.

7. Pendedahan Maklumat

- 7.1 Pelanggan CIMB@Work dengan ini bersetuju, mengizinkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat yang berkaitan dengan Pelanggan CIMB@Work, hal ehwal Pelanggan CIMB@Work dan/atau mana-mana akaun yang diselenggara oleh Pelanggan CIMB@Work dengan Bank kepada orang berikut:-

- (a) Majikan Pelanggan CIMB@Work;
- (b) mana-mana ejen Bank, sub-kontraktor, penyedia perkhidmatan, juruaudit, penasihat undang-undang dan/atau penasihat profesional, di dalam atau di luar Malaysia; dan/atau
- (c) entiti dalam kumpulan CIMB Group Holdings Berhad, syarikat induk muktamad Bank ("Syarikat Kumpulan") sama ada Syarikat Kumpulan tersebut bermastautin, terletak, menjalankan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia.

untuk memudahkan perniagaan, operasi, penyediaan Ciri CIMB@Work, Faedah & Ganjaran, Pakej Penyelesaian Perbankan dan Gaji CIMB@Work, Program, Akaun Gaji dan/atau perkhidmatan berkaitan yang disediakan oleh Bank dan/atau Syarikat Kumpulan kepada CIMB @Pelanggan Kerja.

7.2 Bank juga boleh mendedahkan sebarang maklumat yang berkaitan dengan Pelanggan CIMB@Work, hal ehwal Pelanggan CIMB@Work dan/atau mana-mana akaun yang diselenggarakan oleh Pelanggan CIMB@Work dengan Bank kepada:

- (a) mana-mana tribunal, mahkamah, agensi atau badan kerajaan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan yang mana Bank dikehendaki membuat pendedahan atau mempunyai bidang kuasa ke atas Bank sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk mematuhi sebarang perintah, permintaan, permintaan atau keperluan pelaporan atau untuk tujuan litigasi atau litigasi berpotensi yang melibatkan Bank apabila diperlukan atau diminta berbuat demikian dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa;
- (b) mana-mana pihak ketiga yang membuat pertanyaan dengan tujuan untuk membuat transaksi prospektif dengan Bank;
- (c) mana-mana penerima pindahan atau penerima serah hak berpotensi yang dengannya Bank sedang merundingkan pemindahan, penyerahan hak dan pembaharuan hak atau obligasi di bawah terma dan syarat ini;
- (d) mana-mana syarikat dan/atau organisasi yang membantu atau memudahkan pemprosesan dan/atau pemenuhan transaksi atau arahan yang diminta dan/atau diberikan oleh Pelanggan CIMB@Work kepada Bank; dan/atau
- (e) pihak ketiga tersebut dan untuk tujuan(-tujuan) seperti yang dikenal pasti dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB di bawah tajuk 'Pendedahan Maklumat Peribadi Anda' dan 'Cara Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda' masing-masing.

Pelanggan CIMB@Work bersetuju bahawa persetujuan yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik jika pendedahan maklumat Pelanggan CIMB@Work adalah perlu untuk penyediaan Ciri, Faedah & Ganjaran CIMB@Work, Pakej Penyelesaian Perbankan dan Gaji CIMB@Work, Program, Akaun Gaji dan/atau perkhidmatan berkaitan yang disediakan oleh Bank dan/atau Syarikat Kumpulan atau prestasi kontrak dengan Pelanggan CIMB@Work untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang.

- 7.3 Pendedahan oleh Bank kepada Syarikat Kumpulan (dalam Malaysia) juga mungkin untuk tujuan jualan silang Bank dan/atau Syarikat Kumpulan dengan syarat bahawa **pendedahan untuk tujuan jualan silang tidak akan dilaksanakan jika pendedahan tersebut dibantah oleh Pelanggan CIMB@Work.**

Bank juga boleh mendedahkan maklumat Pelanggan CIMB@Work seperti nama dan butiran hubungan (tidak termasuk hal ehwal atau akaun Pelanggan CIMB@Work) kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan rakan kongsi strategik untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi jika mendapat persetujuan daripada CIMB@Work Pelanggan telah diperolehi.

Walau bagaimanapun, Pelanggan CIMB@Work boleh pada bila-bila masa membatalkan atau menarik balik persetujuan yang dinyatakan di atas untuk pendedahan maklumat oleh CIMB kepada Syarikat Kumpulan (dalam Malaysia) dan kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan rakan kongsi strategik untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang mungkin ditukar oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada Pelanggan CIMB@Work): Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan; Pusat Panggilan No +603 6204 7788, e-mel: cru@cimb.com

8. Pindaan Terma-Terma dan Syarat-Syarat

- 8.1 Bank boleh mengubah (sama ada dengan menambah kepada, memadam dari atau sebaliknya meminda) (“Pindaan”) mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dengan memberi notis kepada Pelanggan CIMB@Work sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum Pindaan dikuatkuasakan. Notis Pindaan boleh diberikan dengan: (i) notis Pindaan dipapar di permis dan laman web Bank secara umum dan di mana butiran peruntukan tentang Pindaan boleh diberikan kepada Pelanggan CIMB@Work apabila diminta atau notis tersebut mengandungi butiran Pindaan; atau (ii) notis dihantar oleh Bank kepada alamat Pelanggan CIMB@Work yang terakhir diketahui; atau (iii) notis diiklan dalam satu akhbar pilihan Bank; atau (iv) notis dihantar oleh mel elektronik atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh Bank dan Pindaan akan dikuat kuasa dan terikat dari tarikh ditentukan dalam pemberitahuan. Jika Pelanggan CIMB@Work tidak bersetuju dengan Pindaan, Pelanggan CIMB@Work dikehendaki memaklumkan kepada Bank dengan segera untuk menamatkan beliau sebagai seorang Pelanggan CIMB@Work mengikut Klausula 5.1(j).
- 8.2 Pindaan akan dianggap mengikat terhadap Pelanggan CIMB@Work dari tarikh yang ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan.
- 8.3 Pelanggan CIMB@Work bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work dan memastikan mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
- 8.4 CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan CIMB@Work bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan CIMB@Work sebagai akibat secara langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.

- 8.5 Pelanggan CIMB@Work hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan melindungi Bank daripada menanggung apa-apa fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
- (a) penyertaan Pelanggan CIMB@Work dalam Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work; dan/atau
 - (b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work oleh Pelanggan CIMB@Work.

9. Notis

- 9.1 Sebarang notis yang perlu diberikan kepada CIMB:
- (a) mestilah secara bertulis;
 - (b) ditandatangani oleh Pelanggan CIMB@Work; dan
 - (c) akan berkuat kuasa hanya apabila diterima oleh, dan dibuktikan dengan pengakuan CIMB; dan/atau
 - (d) diberikan melalui saluran yang dibenarkan oleh CIMB.
- 9.2 Notis, penyata akaun dan komunikasi lain kepada Pelanggan CIMB@Work akan melalui mana-mana cara berikut dan dianggap telah diterima dan disampaikan kepada Pelanggan CIMB@Work:
- (a) jika dihantar melalui pos, pada hari ketujuh (ke-7) selepas penghantaran (yang boleh melalui cara catatan ke dalam mana-mana penyata akaun); atau
 - (b) jika dihantar secara peribadi, pada masa penghantaran atau pengiriman; atau
 - (c) jika melalui kurier, dengan serta-merta atas pengakuan Pelanggan CIMB@Work di nota penghantaran kurier; atau
 - (d) jika dengan sebarang bentuk komunikasi serta-merta (termasuk e-mel, SMS dan rakaman suara), serta-merta; atau
 - (e) jika dengan pemaparan di laman web CIMB atau di mana-mana cawangan CIMB, pada hari pemaparan.

Ia hendaklah menjadi tanggungjawab Pelanggan CIMB@Work untuk memastikan bahawa sebarang notis yang dihantar kepada beliau melalui mana-mana cara yang dinyatakan di atas tidak dibaca atau diakses oleh mana-mana pihak ketiga. CIMB tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa keadaan untuk sebarang rasa malu yang disebabkan atau untuk sebarang kerugian atau ganti rugi walau bagaimanapun berbangkit, oleh notis tersebut dibaca dan diakses oleh pihak ketiga.

- 9.3 Pelanggan CIMB@Work mestilah memaklumkan kepada CIMB dengan segera jika terdapat sebarang perubahan kepada (i) alamat surat-menyurat; (ii) nombor telefon; (iii) alamat e-mel: dan/atau (iv) butir-butir lainnya yang direkod dengan CIMB (secara kolektif "**Butiran Peribadi**"), untuk memastikan semua surat-menyurat dan/atau komunikasi disampaikan kepada Pelanggan CIMB@Work tepat pada masanya.

10. Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

10.1 Selepas penerimaan anda oleh CIMB sebagai Pelanggan CIMB@Work dan/atau penggunaan ciri, perkhidmatan, manfaat dan/atau ganjaran anda di bawah Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work, Pelanggan CIMB@Work bersetuju kepada yang berikut:

- (a) telah mengakses, membaca dan bersetuju untuk mengikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
- (b) memberi kebenaran kepada Bank untuk memproses dan mendedah data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
- (c) bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work dan penentuan kelayakan Pelanggan CIMB@Work hendaklah muktamad, terikat dan konklusif; dan
- (d) bersetuju bahawa CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Pelanggan CIMB@Work, jika CIMB tidak dapat melaksanakan sepenuhnya atau sebahagian daripada mana-mana kewajibannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - (iv) apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB; atau
 - (v) apa-apa factor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.

10.2 Pelanggan CIMB@Work akan dilucutkan kelayakan daripada penggunaan ciri, perkhidmatan, manfaat dan/atau ganjaran di bawah Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work atau ciri, manfaat dan ganjaran akan dilucut jika semasa tempoh Program dan/atau sebelum pengkreditan/penghantaran ciri, manfaat dan ganjaran:

- (a) Pelanggan CIMB@Work memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
- (b) Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work dan/atau Program yang telah didaftar telah ditamatkan atau ditutupkan atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang; atau
- (c) Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work dan/atau produk dan perkhidmatan yang telah didaftar di bawah Program adalah berdelinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan CIMB@Work atau CIMB.

10.3 CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucut kelayakan mana-mana Pelanggan CIMB@Work yang ia tentukan:

- (a) mengganggu proses kemasukan/penyertaan/permohonan; dan/atau
- (b) bertindak memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

10.4 CIMB hendaklah mempunyai hak untuk:

- (a) mengganti Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work dengan program lain; dan/atau

- (b) melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan CIMB@Work melalui:
- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
 - (iv) melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

Pindaan hendaklah dianggap sebagai mengikat Pelanggan Layak dari tarikh yang ditetapkan oleh Bank dalam pemberitahuan.

10.5 Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan CIMB@Work bagi apa-apa kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan CIMB@Work sebagai akibat langsung atau tidak langsung apa-apa penggantian dan/atau apa-apa pembatalan, penggantungkan, pemendekkan atau pelanjutan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work.

10.6 CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan CIMB@Work atau mana-mana pihak bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:

- (a) penyertaan atau kegagalan penyertaan Pelanggan CIMB@Work dalam Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work; dan/atau
- (b) apa-apa kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan SMS oleh Pelanggan CIMB@Work

melainkan kerugian atau ganti rugi sedemikian adalah timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

10.7 Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:

- (a) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work; dan
- (b) adalah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa produk dan/atau perkhidmatan yang mendasari dalam Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work yang hendaklah diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

10.8 Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan terus menjadi sah dan mengikat walaupun kematian Pelanggan CIMB@Work dan akan mengikat waris, wakil diri dan pengganti hakmilik CIMB dan Pelanggan CIMB@Work masing-masing dan hak-hak dan kewajipan Pelanggan CIMB@Work di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah peribadi dan tidak boleh dipindahmilik dan tidak boleh diserahkan untuk apa-apa sebab jua.

10.9 Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi semua terma-terma dan syarat-syarat, perjanjian atau

aturan sebelumnya, jika ada, yang dibuat di antara CIMB dan Pelanggan CIMB@Work, sama ada secara bertulis atau lisan berkenaan dengan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work.

- 10.10 Masa hendaklah menjadi perkara mustahak tetapi kegagalan CIMB dalam menjalankan atau penangguhan dalam menjalankan atau menguatkuasakan hak, kuasa, kelebihan atau remediya terhadap Pelanggan CIMB@Work tidak akan beroperasi sebagai penepian daripadanya atau sebarang pelaksanaan sebahagian apa-apa hak, kuasa, kelebihan atau remedi memperjudis atau menjejaskan hak CIMB untuk bertindak seterusnya secara tegas.
- 10.11 Ketidaksahan, ketidaksahihan atau ketidakbolehkuatkuasakan mana-mana terma di Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini tidak akan menjejaskan kesahan, kesahihan atau kebolehkuatkuasakan mana-mana terma lain Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
- 10.12 Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada, dikawal oleh dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan peraturan, peruntukan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan pengawal selia lain yang berkenaan yang CIMB tertakluk kepada. Pelanggan CIMB@Work bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah di Malaysia.
- 10.13 Walaupun yang dinyatakan di sini, hak dan kelayakan CIMB di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan terus berkuat kuasa dan memberi kesan dan akan terus berkekalan setelah sebarang penamatan atau penggantungan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work oleh CIMB.
- 10.14 Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan terus menjadi sah dan mengikat walaupun sebarang percantuman, penggabungan, pindah milik atau penyerahhkan perniagaan, operasi, aset atau liabiliti CIMB atau sebarang perubahan dalam CIMB atau mana-mana syarikat di mana perniagaan CIMB boleh buat pada masa ini dijalankan.
- 10.15 CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang permohonan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work atau surat-menyurat berkenaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tersilap serah, tertangguh, tidak dapat dibaca, rosak atau salah sama ada disebabkan oleh kesilapan, ketinggalan, perubahan, gangguan, pemadaman, kecurian, kemusnahan atau sebaliknya melainkan yang sama diakibatkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
- 10.16 Jika produk dan/atau perkhidmatan berkenaan dengan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work di mana Pelanggan CIMB@Work telah melanggan yang ditawarkan oleh CIMB Bank, apa-apa pertanyaan yang Pelanggan CIMB@Work ada tentang produk dan/atau perkhidmatan tersebut akan ditangani oleh CIMB Bank. Begitu juga, jika produk dan/atau perkhidmatan ditawarkan oleh CIMB Islamic Bank, apa-apa pertanyaan yang Pelanggan CIMB@Work ada tentang produk dan/atau perkhidmatan tersebut akan ditangani oleh CIMB Islamic Bank.

10.17 Laman web Bank CIMB mungkin mengandungi pautan ke tapak web lain ("**Pautan Pihak Ketiga**"). CIMB Bank tidak mempunyai kawalan ke atas dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Pelanggan CIMB@Work memahami bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko mereka sendiri dan CIMB Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh pelanggan CIMB@Work

10.18 Untuk sebarang aduan dan/atau maklum balas berkenaan dengan pendaftaran sebagai seorang Pelanggan CIMB@Work dan/atau Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work, Pelanggan CIMB@Work boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB ("CRU") di alamat, telefon dan e-mel yang berikut di mana CIMB boleh mengubah dengan pemberitahuan kepada Pelanggan CIMB@Work:

Alamat : Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan
Nombor Telefon : 603-6204 7788
Alamat E-mel : cru@cimb.com

10.19 Untuk sebarang pertanyaan berkenaan dengan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work, sila mengunjungi mana-mana cawangan CIMB di seluruh negara, atau menghubungi Pusat Panggilan CIMB di at 03-6204 7788.